

KWSP SUSUN SKIM FAEDAH BARU

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merancang menambahkan lagi faedah keselamatan sosial kepada para pencarumnya.

Salah satu cadangan ialah menubuhkan skim kilat untuk ahli-ahli yang menarik diri atas sebab-sebab kesihatan, kata Timbalan Pengurus Besar KWSP, Encik Dom Karto hari ini.

Menurut cadangan itu, ahli-ahli akan diberi sejumlah wang yang lebih simpanan semasa mereka dalam tabung tersebut.

Encik Dom berucap di simposium antarabangsa kedua mengenai Pengembelengan Simpanan Persendirian di Negara-negara Membangun di sini.

Simposium lima hari itu telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Isnin lalu dan berakhir hari ini. Ia dihadiri oleh 85 wakil dari 45 negara.

Disusun

Bagaimanapun, Encik Dom berkata jentera perjalanan skim itu sedang disusun.

Katanya lagi, "Kami sedang mengkaji kemungkinan membayar sekaligus atau secara ansuran bulanan kepada ahli-ahli tersebut." Bayaran itu akan berdasarkan kepada satu jadual khas.

KWSP juga sedang mengkaji skim untuk mereka yang bekerja sendiri. Buat masa ini mereka tidak diwajibkan mencarum kepada kumpulan itu.

Bagaimanapun, KWSP merancang untuk mewajibkan mereka menyertai KWSP.

Belliau berkata skim ini terpaksa diselaraskan dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri.

"Kami sedang cuba berhubung dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk menentukan pendapatan sebenar mereka yang bekerja sendiri agar dapat menetapkan jumlah caruman mereka," katanya.

"Kami mungkin mendapatkan bantuan dari jabatan tersebut untuk mengutip caruman mereka yang berkenaan bagi pihak KWSP." — Bernama.

— Bahan asal dari Arkib